

Healen

Bantu sembuh luka sebagai pengganti kotak perubatan

Oleh **ASHRIQ FAHMY AHMAD**

ashriq.ahmad@utusan.com.my

DI cipta daripada ekstrak beberapa tumbuhan herba, *Healen* merupakan produk yang boleh membantu menyembuh luka dengan pantas hasil penyelidikan seorang pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM).

Ia juga merupakan berita baik kepada pesakit diabetes dan kencing manis yang mengalami luka yang sukar untuk sembuh.

Kajian yang dilakukan dalam penghasilan *Healen* mendapati bahan asas yang digunakan iaitu ekstrak daripada sejenis daun herba dan membantu menyembuhkan sel luka yang kronik.

Ekstrak tersebut yang lebih dikenali sebagai *biophenolic oitment* mudah di temui dalam herba tempatan di sekitar Malaysia.

Menurut penyelidik Institut Biosains (IBS), Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, UPM, Prof. Dr. Suhaila Mohamed, melalui kajian yang dijalankan, *Healen* mampu bertindak pantas membantu merawat luka 30 peratus lebih cepat berbanding kaedah pengambilan ubatan biasa.

"Sehingga kini beberapa pesakit kencing manis dan diabetes yang menggunakan produk ini memberi maklum balas yang positif" ujarnya ketika ditemui di pejabat beliau di UPM, Serdang, Selangor baru-baru ini.

Jelas beliau lagi, bagi bukan pesakit diabetes, luka yang mereka mampu sembuh secara normal.

Namun, bagi mereka yang mengidapi penyakit tersebut, luka yang dialami sukar untuk sembuh malah mungkin bertukar menjadi lebih teruk sehingga memerlukan pembedahan untuk membuang bahagian yang rosak akibat jangkitan pada bahagian yang luka.

Antara lain yang boleh menyebabkan kesukaran luka untuk sembuh dengan baik adalah masalah kulit, prosedur pembedahan yang kurang teliti dan jangkitan kuman.

Selain itu, faktor berat badan berlebihan (obesiti), merokok, kekurangan nutrisi, peningkatan umur,



Produk Healen ini bakal dikormesialkan dalam masa dua hingga tiga minggu lagi dan pihak kami menumpukan kepada pengguna daripada golongan pesakit diabetes dan kencing manis di samping kanak yang mengidap penyakit lelah dan alzheimer



BARISAN produk Healen yang berjaya dihasilkan setelah menjalani kajian selama bertahun-tahun kini sedia dipasarkan.

DR. SUHAILA MOHAMED menunjukkan produk krim *Healen* dan penyembur *Antisept* yang dihasilkan olehnya.



LUKA yang dihadapi oleh seorang pesakit kencing manis sebelum menggunakan krim *Healen*.



SELEPAS beberapa bulan luka hampir sembuh setelah menggunakan krim *Healen*.

kurang pergerakan, rawatan kimoterapi, radioterapi, penggunaan ubat yang berlebihan dan pelbagai lagi.

Kajian yang dijalankan selama empat tahun itu turut mendapati Healen mampu merawat bakteria yang terdapat pada tubuh manusia, serangan kulat (fungus), alzheimer, bisul, calar, ruam, kesan lecur akibat terbakar dan juga ulser pada bahagian luar tubuh badan.

Untuk mendapatkan kesan yang maksimum, krim Healen perlu disapu pada kawasan luka dua hingga empat kali sehari sehingga sembuh.

Bagaimana pun produk tersebut hanya boleh diaplikasikan untuk kegunaan luaran sahaja.

Jelas Dr. Suhaila, produk tersebut juga akan dipromosikan sebagai 'first aid kit' di dalam bentuk tiub yang mudah untuk dibawa ke mana-mana sahaja.

"Selain menerima maklum balas yang positif, beberapa pihak yang berminat

untuk memasarkan produk ini telah menunjukkan minat.

"Produk Healen ini bakal dikormesialkan dalam masa dua hingga tiga minggu lagi dan pihak kami menumpukan kepada pengguna daripada golongan pesakit diabetes dan kencing manis di samping kanak yang mengidap penyakit lelah dan alzheimer," katanya.

Untuk mendapatkan produk *Healen* di dalam masa yang terdekat, anda boleh menghubungi syarikat SeaMax Resources Sdn. Bhd di talian 017-2388573 atau 017-2388574 dan bagi mereka yang benar-benar berminat diskaun sebanyak 50 peratus ditawarkan sehingga hujung tahun.

Malah, produk tersebut juga boleh didapati di gerai jualan di Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen 2012 yang akan berlangsung pada 12 hingga 16 Oktober ini.

UPM, Utusan bekerjasama anjur Ekspo Pertanian, Pesta Konvokeysen

SEPERTI kebiasaannya, Universiti Putra Malaysia (UPM) setiap tahun akan mengadakan Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokeysen bagi memeriahkan majlis konvokeysen yang berlangsung.

Ekspo yang diadakan saban tahun tersebut menawarkan pelbagai jenis produk pertanian hasil kajian yang dijalankan oleh penyelidik UPM sesuai dengan objektifnya penubuhannya sebagai peneraju di dalam bidang penyelidikan pertanian.

Bagaimanapun buat pertama kalinya, bagi tahun 2012, UPM bekerjasama dengan *akhbar Utusan Malaysia* bagi memeriahkan lagi aktiviti yang diadakan.

Menurut Ketua Pengarah Taman Pertanian Universiti (TPU), UPM, Prof. Dr. Abd. Wahid Haron, (**gambar**) ekspo pertanian dan pesta konvokeysen telah bermula sejak tahun 1977 lagi.

“Sepanjang penganjuran, sambutan yang diterima daripada masyarakat sehingga kini amat menggalakkan.

“Penganjuran ekspo pertanian dan pesta konvokeysen adalah untuk meraikan para graduan dan keluarga yang datang dari pelusok negara,” katanya ketika ditemui di pejabatnya di Serdang, Selangor.

Jelas beliau lagi, aktiviti tersebut juga merupakan salah satu usaha universiti dalam menghebahkan pelbagai program pengajian dari pelbagai peringkat serta memperkembangkan teras asas universiti iaitu pengajaran, penyelidikan dan

pengembangan sektor pertanian.

Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokeysen 2012 pada kali ini akan diadakan bermula 12 hingga 16 Oktober. Untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan aktiviti berkenaan anda boleh melayari laman [webhttp://www.tpu.upm.edu.my/ekspo2012/](http://www.tpu.upm.edu.my/ekspo2012/)



ABDUL Wahid Haron (tengah) membincangkan sesuatu bersama pegawai dan kakitangan UPM, mengenai penganjuran Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokeysen 2012 di Serdang baru-baru ini.



Senarai aktiviti utama:

- Pameran fakulti, institut dan pusat.
- Pameran Ternakan.
- Pameran Penyelidikan.
- Penyelidikan tumpuan:
 - Tanaman strawberi -
 - *Micropropagation of strawberry.*
 - *Heat tolerant broccoli.*
 - *Spacer Architectonic Building System (SABSytem).*
 - *OryGoldTM dan OryGold DrinkTM.*
 - Ekstrak *Dillenia suffruticosa* untuk rawatan perubatan.
 - Jualan hasil pertanian, anak benih pokok buah-buahan dan hiasan.
 - Pameran, pertandingan dan jualan pokok orkid.
 - Klinik pertanian.
 - Jualan anak kuda.
- Aktiviti bersama *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia*:
 - -Jualan harga runtuh produk Kumpulan Utusan / UP&D.
 - -Cabutan bertuah.
 - -Pertandingan mewarna.
 - -Studio Penghias Wajah.
 - -Karikatur.
 - Bersama novelis UP&D.
- Lain-lain aktiviti:
 - Pertandingan *paintball*.
 - Pertandingan sukan rakyat.
 - Pertandingan melukis dan sukan kanak - kanak.
 - Pertandingan gerai tercantik.
 - Pertandingan orkid.
 - Klinik basikal *fixie*.
 - Berkayak.
 - Aktiviti bersampan.
 - Aktiviti tali.
 - Pertandingan memancing.
 - Menunggang kuda.
- Jualan:
 - Jualan anak pokok buah - buahan dan hiasan.
 - Jualan pokok orkid.
 - Jualan baja dan alatan pertanian.
 - Jualan barangan dan cenderamata.
 - Jualan makanan dan minuman.
- Persembahan pentas:
 - Persembahan pelajar.
 - Persembahan artis.
 - Demonstrasi padang.